

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 27 MEI 2016 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Temu Mesra Media	Utusan Malaysia
2	MyFon bakal terokai 10,000 sekolah, kem PLKN seluruh negara	Utusan Malaysia
3	Nation to share STEM expertise	New Straits Times

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (ALBUM HARI INI) : MUKA SURAT 2
TARIKH : 27 MEI 2016 (JUMAAT)



TEMU MESRA MEDIA

MENTERI Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau (empat dari kanan) bersama timbalannya, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah (lima dari kanan) dan Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd Nur (tiga dari kiri) bergambar bersama editor kanan media sewaktu majlis Temu Mesra Bersama Media di Hotel Premiera, Kuala Lumpur, semalam. Hadir sama, Penolong Ketua Pengarang Utusan, Datuk Hassan Mohd. Noor (dua dari kanan). - UTUSAN/SAIFUL BAHARI ASHARI

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 28
TARIKH : 27 MEI 2016 (JUMAAT)

MyFon bakal teroka 10,000 sekolah, kem PLKN seluruh negara

KUALA LUMPUR 26 Mei - Pure Spectrum Technologies Sdn. Bhd. merancang untuk memasang telefon awam GSM tanpa tunai berasaskan SIM (MyFon) untuk pelajar di 10,000 sekolah dan kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) seluruh negara dalam tempoh dua tahun akan datang.

Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Pengasas Pure Spectrum Technologies, Shafiee Saleh berkata, MyFon akan menjadi telefon awam pertama dengan keupayaan kad SIM yang mampu menangani keperluan komunikasi pelajar dan pelatih terutama bagi yang tidak mempunyai akses kepada telefon bimbit masing-masing.

"Syarikat telah menyasarkan penghasilan dan pengendalian 20,000 unit Myfon MPP dalam tempoh dua tahun akan datang dan dijangka mencapai perolehan tahunan sebanyak RM220 juta apabila dilaksanakan sepenuhnya.

"Ini adalah projek perintis pertama menerusi teknologi tersebut yang dilaksanakan tahun 2014 dan telah melibatkan 550 telefon awam MyFon (MPP) di 120 sekolah seluruh negara," katanya dalam satu kenyataan

di sini semalam.

Dalam pada itu, syarikat juga akan meningkatkan lagi keupayaan dan kapasiti MyFon dengan mengadakan kerjasama dengan TPM Engineering di samping meningkatkan kualiti dan piawaian produk sedia ada.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Taman Teknologi Malaysia (TPM), Datuk Ir. Mohd. Azman Shahidin berkata, Pure Spectrum Technologies merupakan syarikat pertama yang mempunyai teknologi berevolusi seumpama ini di Asia dan akan menarik prospek yang kukuh dari semua negara di rantau ini.

"Syarikat tersebut berperanan penting dalam membantu memacu teknologi tersebut melalui pelbagai program usahawanan berkaitan teknologi yang ditawarkan oleh VI serta perkhidmatan kejuruteraan jitu oleh TPM Engineering

"Kejayaan yang dikecapi sebelum ini bakal menjadi inspirasi kepada usahawan pada masa akan datang khususnya dalam meneroka kerjasama dan perkhidmatan TPM bagi membantu mengkomersialkan produk dalam pasaran tempatan dan global," katanya.

Nation to share STEM expertise

KUALA LUMPUR: Malaysia is ready to share its expertise in the development of Science, Technology and Mathematics (STEM) within the Asean community.

Education Minister Datuk Seri Mahdzir Khalid said this here yesterday while wrapping up the 9th Asean Education Ministers Meeting (Ased) and Associated Meetings.

He said Malaysia would focus on capacity building in the area of education in Asean as STEM development was a main initiative under the Malaysia Education Blueprint (2013-2025).

STEM is among the main programmes Malaysia is spearheading under the Asean Work Plan on Education 2016-2020.

Mahdzir said to date Malaysia had collaborated with Indonesia, Cambodia, Kenya and Nigeria under Unesco Malaysia Fund-in-Trust.

He said Malaysia was cooperating with the Southeast Asian Ministers of Education Organisation and the United Nations Children's Emergency Fund in implementing the Southeast Asia Primary Learning Metrics study to evaluate Year Five pupils' achievements in learning.

The study, which focuses on reading, writing, mathematics and global citizenship, was approved at the 9th Ased meeting.

"Malaysia will also lead the transformation and enhancement of Technical Vocational Education and Training quality enhancements through networking, collaboration as well as personnel and resources mobility through industrial training, apprenticeship, student exchange and scholarships."

He said Malaysia was committed to implementing six projects under the Asean Plus Three Plan of Action 2010-2017.

The Third Asean Plus Three Education Ministers Meeting held here yesterday approved the projects, which encompass areas covering student mobility, research, cooperation among universities and industries as well as quality assurance for tertiary education.

In a joint statement, the Asean Education Ministers reiterated the objective of the first East Asia Summit Education Ministers Meeting in 2012, which allowed for stocktaking of progress made in education cooperation based on the EAS Education Plan of Action 2011-2015.